



# SILIBUS KURSUS MUSTALAH AL-HADIS: KAJIAN PERBANDINGAN TERHADAP PENERIMAAN PELAJAR DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) ISLAM

(Students' Acceptance of the Mustalah al-Hadith Course Syllabus at Islamic Higher Education Institutions in Malaysia: A Comparative Study)

**Khalilullah Amin Ahmad<sup>1</sup>, Muhammad Lukman Mat Sin<sup>2</sup>, Solahuddin Abdul Hamid<sup>3</sup>, Nizho Abdul Rahman<sup>4</sup>, Amran Abdul Halim<sup>5</sup>**

<sup>1,2</sup>Faculty of Al-Quran and Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis, <sup>2,3</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia, <sup>3</sup>Faculty of Quran and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia

## Abstract

Mustalah al-Hadis is one of the courses in the Core component of Islamic Studies program offered at the Public Higher Education Institutions (IPTA) or Private Higher Education Institutions (IPTS) in Malaysia. The exposure of basic sciences of hadith in this course is able to strengthen the understanding of the hadith of Prophet Muhammad SAW, which is significant as the second source of legislation in Islam. In order to ensure that the learning process goes more smoothly in line with the development of the 21st Century Learning (PAK-21) and as a response to the challenges of Industrial Revolution 4.0 in the educational aspect, the Mustalah al-Hadis course is also not left behind in the Malaysia's flow of education. Therefore, this article aims to examine students' acceptance of the Mustalah al-Hadis course syllabus offered at Islamic Higher Education Institutions in northern Malaysia, namely Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) and Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB), Pulau Pinang. This qualitative study takes the form of interviews, observations and document analysis involving lecturers and students taking the Mustalah al-Hadis course. The findings of the study can be concluded that the students' acceptance of the Mustalah al-Hadis course syllabus depends on the educational background and the students' determination to learn this course as well as the teaching methodology applied by the course lecturer.

**Kata Kunci:** Silibus, Mustalah al-Hadis, Penerimaan Pelajar, IPT Islam

## Article Progress

Received: 29 August 2023

Revised: 14 September 2023

Accepted: 25 October 2023

\*Corresponding Author:

Khalilullah Amin Ahmad.

Faculty of Al-Quran and Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis.

Email:

amin@kuips.edu.my

## PENDAHULUAN

Hadis adalah sumber perundangan kedua selepas sumber daripada kitab al-Quran dan berperanan sebagai elemen petunjuk dalam agama Islam. Hal demikian kerana segala sesuatu yang datang dan disampaikan oleh Rasulullah SAW berfungsi untuk menerangkan kandungan kitab al-Quran melalui metodologi penerangan, memperincikan sesuatu perkara yang bersifat umum dan mengukuhkan atau menyokong ayat al-Quran (Abd. Rahman & Asbullah, 2012).

Mustalah al-Hadis adalah sebahagian *furu'* dalam ilmu hadis. Perkataan lain bagi Mustalah al-Hadis adalah *Usul al-Hadis* atau *Ulum al-Hadis* (Mohd Sobali et al., 2011). Sehubungan itu, Mustalah al-Hadis berkembang sesuai dengan perkembangan ilmu hadis masa kini yang kian penting untuk dipelajari samada di peringkat awam mahu pun *talib al-ilm*. Ilmu Mustalah al-Hadis berperanan sebagai ilmu alat atau penapis informasi dalam pengajaran hadis (Syed Hassan et al., 2021). Pengajaran ilmu hadis merupakan pengajaran ilmu yang utama dalam Islam selepas pengajaran ilmu al-Quran berdasarkan pentingnya kedudukan hadis itu sendiri (Ahmad et al., 2021). Hal demikian menyebabkan para sarjana Islam telah memainkan peranan sebagai perintis kepada pengajaran Mustalah al-Hadis bermula sejak era awal Islam sehingga era kegemilangan ilmu dalam Islam pada sekitar abad ke-3 hijrah sehingga abad ke-7 hijrah (Abdul Halim et al., 2019).

Kursus Mustalah al-Hadis sememangnya telah lama diperkenalkan dan merupakan salah satu daripada kursus yang wajib dipelajari oleh para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terutamanya IPT Islam yang menawarkan program-program dalam bidang pengajian Islam (Rosdi et al., 2021). Oleh itu, kajian ini sangat penting untuk dijalankan agar dapat mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap silibus Mustalah al-Hadis yang digunakan sebagai panduan dalam menjalani proses pengajaran dan pembelajaran yang relevan pada masa kini (Yabi et al., 2017).

## OBJEKTIF

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji penerimaan pelajar terhadap silibus kursus Mustalah al-Hadis yang ditawarkan di IPT Islam di utara Malaysia.

## METODOLOGI

Kajian kualitatif ini melibatkan teknik pengumpulan data melalui dapatan temu bual, observasi dan analisis dokumen (John Van Maaneen, 1983). Seramai 40 orang pelajar telah ditemu bual dan 13 orang pensyarah di IPT Islam sebelah utara Malaysia, iaitu Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'dzam Shah (UniSHAMS) dan Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB), Pulau Pinang untuk dijadikan sebagai responden dalam kajian ini. Data-data tersebut diuraikan mengikut tema-tema yang bersesuaian atau lebih dikenali sebagai kaedah analisis tematik dengan mengaplikasikan perisian ATLAS.ti versi 8. Data-data itu disediakan dalam bentuk jadual bagi menyusun data maklumat yang tepat. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah komparatif bagi membuat perbandingan daptatan kajian antara ketiga-tiga institusi pengajian yang terlibat.

## SILIBUS KURSUS MUSTALAH AL-HADIS

Yabi et al. (2019) dalam kajian beliau menyatakan kursus Mustalah al-Hadis membantu pelajar mengenali hadis-hadis yang diterima dan ditolak serta mengenalpasti hadis yang palsu. Silibus kursus ini perlu sentiasa disemak dan disesuaikan dengan perkembangan semasa selari dengan pengajian Islam masa kini (Khalaf, 2006). Selain itu, kursus ini membantu pelajar bersedia untuk menghadapi cabaran semasa dan mempraktikkan hadis dalam kehidupan seharian (Mohd Sobali et al., 2011). Pelajar dapat menambahkan kecintaan pelajar terhadap Rasulullah SAW (Yahya et al., 2017). Bagi pelajar yang mempelajari kursus ini akan lebih berhati-hati dalam memilih hadis yang ingin digunakan dan disebarluaskan dalam media sosial (Ahmad & Mat Sin, 2022). Hal ini membuktikan kursus Mustalah al-Hadis adalah relevan dan sesuai dipelajari di peringkat IPT pada masa kini (Abd. Rahman & Abd Haliff, 2011).

### Pengajian Mustalah al-Hadis di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

Silibus kursus Mustalah al-Hadis menggunakan kod kursus BUS 4033 Ulum Hadis merupakan kursus wajib di peringkat pusat pengajian fakulti. Setiap pelajar yang berada di tahun satu akan mempelajari Mustalah al-Hadis dengan jumlah 2 jam kredit, iaitu selama 14 minggu pengajian mengikut semester. Silibus ini diajarkan kepada pelajar yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Ijazah Sarjana Muda Al-Quran & Sunnah, Ijazah Sarjana Muda Syariah (Ekonomi) dan program-program di peringkat Ijazah Sarjana Muda yang lain.

Topik-topik dalam kursus ini dibahagikan kepada tujuh bab utama. Pada bab satu berkaitan tentang pengenalan ilmu Mustalah al-Hadis. Dalam bab ini pula dipecahkan kepada beberapa subtopik kecil di bawahnya, iaitu adab mempelajari ilmu hadis, autoriti hadis, peranan hadis dan sejarah perkembangan hadith di zaman Rasulullah SAW, *khulafa' al-Rasyidin* dan selepas zaman berikutnya. Seterusnya pada bab dua pula disentuh topik berkaitan pendekatan Mustalah al-Hadis yang merangkumi beberapa subtopik seperti definisi Mustalah al-Hadis, sejarah perkembangan Mustalah al-Hadis, klasifikasi ilmu Mustalah al-Hadis, iaitu ilmu hadis *riwayah* dan ilmu hadis *dirayah*, karya-karya berkaitan Mustalah al-Hadis yang terkenal, istilah-istilah dalam usul hadis dan gelaran-gelaran sarjana hadis. Dalam bab tiga pula didedahkan dengan tajuk tentang hadis qudsi dan hadis Nabawi yang merangkumi perbahasan mendalam berkenaan hadis qudsi dan hadis nabawi serta perbezaan antara al-Quran, hadis *qudsi* dan

hadis nabawi. Seterusnya bab empat menghuraikan topik tentang cara menerima dan meriwayatkan hadis seperti *as-Sama'*, *al-Qiraah*, *al-Ijazah*, *al-Munawalah*, *al-Kitabah*, *al-'Ilam*, *al-Wasiyyah* dan *al-Wijadah*. Pada berikutnya bab lima, pelajar mempelajari topik tentang klasifikasi hadis yang dipecahkan kepada dua bahagian, bilangan perawi, iaitu hadis Mutawatir dan hadis Ahad. Manakala bahagian kedua dari sudut keadaan perawi, iaitu hadis shahih, hadis hasan dan hadis dhaif. Bab seterusnya dibahaskan tentang manhaj penulisan kitab hadis Sunan Sittah. Bab terakhir, iaitu bab tujuh, topik pelajaran adalah berkaitan tentang *furu'iyyah ilmu hadis* yang membahaskan subtopik tentang ilmu periwayatan sanad dan matan.

Cadangan buku rujukan sepertimana termaktub dalam silibus kursus Mustalah al-Hadis, iaitu buku '*'Ulum Al-Hadis Ashluha Wa Mu'asiruhu*' karangan Abadi (2011), kitab yang dikarang oleh Al-Tahhan (2012) bertajuk '*Taisir Mustalah al-Hadis*' dan terakhir buku rujukan terjemahan karangan Syarf al-Qudah (2003) yang bertajuk '*Al-Manhaj al-Hadis fi 'Ulum al-Hadis*'.

### **Pengajian Mustalah al-Hadis di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (UniSHAMS)**

Silibus kursus Mustalah al-Hadis digunakan bagi penawaran program-program di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Kod kursus ini ialah DHU 3012 'Ulum Al-Hadis dan merupakan kursus wajib pusat pengajian yang berjumlah tiga jam kredit. Merujuk kepada silibus kursus ini, pengkaji mendapati kursus ini dipecahkan kepada tiga belas bab utama. Topik dalam bab satu membincangkan tentang pengenalan Mustalah al-Hadis. Seterusnya bab dua pula berkaitan sejarah pembinaan dan pengumpulan hadis. Bab tiga, perbahasan sanad dan matan. Bab empat pula menyentuh tentang istilah-istilah penting dalam Mustalah al-Hadis. Bab lima, perbahasan tentang hadith mutawatir. Bab enam, topik tentang hadis Ahad. Bab tujuh pula, bab tentang hadis *maqbul* dan *mardud*. Bab ini menghuraikan tentang klasifikasi hadis shahih dan hadis hasan. Bab lapan pula, pecahan hadis dhaif. Bab Sembilan pula tentang pecahan hadis *maudhu'*. Bab sepuluh, perbincangan tentang hadis *qudsi*, hadis *marfu'*, hadis *mawquf* dan hadis *ma'thuq*. Bab sebelas topik berkaitan tentang *takhrij al-hadis*. Bab dua belas pula perbincangan tentang ilmu *al-Jarh wal Ta'dil* dan berikutnya bab terakhir membincangkan tentang biografi ringkas para sarjana hadis.

Buku rujukan utama yang dicadangkan kepada pensyarah ialah *Introduction to the Science of Hadith* ditulis oleh Abdullah & Abdul Manas (2015), cetakan IIUM Press.

### **Pengajian Mustalah al-Hadis di Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB), Pulau Pinang**

Silibus Mustalah al-Hadis di KITAB diaplikasikan kepada pelajar program peringkat Diploma di bawah kod kursus HU 113 Ulum Al Hadis berjumlah dua jam kredit. Kursus ini dipecahkan kepada tiga belas bab utama. Bab satu bermula perbincangan tentang pengenalan Mustalah al-Hadis. Bab dua pula, perbahasan tentang sejarah pengumpulan hadis. Bab tiga, perbincangan topik berkaitan sanad dan matan. Bab empat pula, istilah-istilah penting dalam ilmu hadis. Bab lima, perbahasan tentang hadis mutawatir. Bab enam disusuli dengan perbincangan tentang hadis ahad. Bab tujuh berkaitan tentang hadis *maqbul* dan *mardud* yang merangkumi perbincangan pembahagian hadis shahih dan hadis hasan. Bab lapan menjelaskan tentang pembahagian hadis dhaif. Bab sembilan, berkaitan tentang hadis *maudhu'*. Bab sepuluh pula, perbahasan tentang hadis *qudsi*, hadis *marfu'*, hadis *mawquf* dan hadis *ma'thuq*. Bab sebelas pula, *takhrij al-hadis*. Bab dua belas disusuli dengan perbincangan tentang ilmu *al-Jarh wal Ta'dil* dan diakhiri bab tentang biografi sarjana ulama hadis. Buku rujukan yang dicadangkan ialah kitab yang dikarang oleh Al-Tahhan (2012) bertajuk '*Taisir Mustalah al-Hadis*'.

## **PENERIMAAN PELAJAR TERHADAP SILIBUS KURSUS MUSTALAH AL-HADIS**

Pengkaji telah membahagikan lima elemen bagi dapatkan tentang penerimaan pelajar terhadap silibus Mustalah al-Hadis. Setiap elemen telah dibuat perbandingan antara ketiga-tiga IPT Islam berkenaan bagi menganalisis perbezaan tersebut. Lima elemen tersebut ialah kerelevan aras pembelajaran,

rancangan pengajaran, topik silibus Mustalah al-Hadis, buku rujukan silibus dan peruntukan tempoh masa pengajaran dan pembelajaran (Ahmad et al., 2022).

### **Jadual 1.** Penerimaan Pelajar Terhadap Silibus Mustalah Al-Hadis

Perkara	KUIPs	UniSHAMS	KITAB
Kerelevan	Sederhana	Sederhana	Mudah
Aras			
Pembelajaran			
Rancangan Pengajaran	Penjelasan dalam bilik kuliah	Penjelasan pada awal semester	Edaran sebelum sesi P&P
Topik Silibus	Tujuh bab utama	Tiga belas bab utama	Tiga belas bab utama
Buku Rujukan Silibus	'Ulum Al-Hadis Ashiluha Wa Mu'asiruha, Abadi (2011)	Introduction to Taisir the Science of Mustalah al-Hadith, Ismail Hadis, Al-Abdullah & Tahhan Taisir Mustalah al-Hadis, Al-Manas (2015)	Shayuthy Abdul (2012)
Peruntukan Tempoh Masa	Tiga jam dalam seminggu	Tiga jam dalam seminggu	Dua jam dalam seminggu

### **Kerelevan Aras Pembelajaran**

Dapatkan menunjukkan semua pelajar KUIPs dan UniSHAMS menyatakan silibus Mustalah al-Hadis ini sederhana. Manakala, semua pelajar KITAB menyatakan silibus ini mudah untuk dipelajari. Dapatkan ini selari dengan jawapan yang diberikan oleh pensyarah mereka berkaitan senarai topik yang terkandung dalam silibus Mustalah al-Hadis. Oleh itu, kerelevan aras pembelajaran bergantung kepada latar belakang dan ketekunan pelajar untuk mempelajari kursus ini (Ahmad et al., 2022). Cadangan agar perlunya mewujudkan sesi bimbingan dan tunjuk ajar daripada pensyarah dan pelajar yang cemerlang untuk memastikan semua pelajar mampu untuk menguasai kandungan pelajaran secara kendiri (Tumiran et al., 2021). Dapatkan ini selari dengan kajian Rosli dan Mohd Noor (2017) yang menyatakan bahawa silibus relevan dengan kemampuan pelajar dan membantu pelajar menguasai Mustalah al-Hadis dengan cemerlang.

### **Jadual 2.** Kerelevan Aras Pembelajaran Terhadap Silibus Mustalah Al-Hadis dan Petikan Data Temu Bual

<b>Kerelevan Aras Pembelajaran</b>	
	<b>Agak tinggi</b>
14:5 InshaAllah kawan-kawan saya mampu belajar dengan mudah sebab time SPM dah belajar kat Mahad Tahfiz. So, perlahan-perlahan faham apa yang ustazah ajarkan ini. Kursus ulum hadith ni agak berat, cuma masih boleh faham dengan baik.	
	<b>Sederhana</b>
10:4 Bagi saya, silibus sesuai dengan kami sebagai pelajar sebabnya kami di peringkat <i>Degree</i> . Tidak terlalu tinggi, tidak terlalu rendah. Maknanya sederhana saja.	
9:3 Bagi saya amat sesuai sukanan pelajar ulum hadith ini kerana pada semester 2 saya lihat kawan-kawan saya masih ada baru tahu. Ilmu	

---

ini pula tidaklah mendalam.

11:3 Kalau bagi saya oklah. Tak dak lah berat sangat sebab contohnya hadith ahad, dia bagi pengertian, apa dia tu hadith ahad. Kategori dia ada tiga. *Masyhur*, ‘aziz dan *gharib*. Lepas tu dia terang maksud dan bagi contoh-contoh hadith berkaitan. Jadi, tidaklah berat sangat.

12:4 Bagi saya, pelajar mampu kerana silibus yang diajar adalah mudah untuk kita faham. Lebih-lebih lagi sekarang ni *study online*, jadi ustazah akan berikan slide atau teks dua hari lebih awal sebelum permulaan kelas. Jadi, peluang untuk pelajar baca slide tu macamana dan ulangkaji. Jadi, pada keesokan harinya hari kelas, lecturer akan cerita semula. Jadi, kefahaman pelajar untuk subjek ulum hadith sangat senang dan mudah dalam topik-topik tersebut.

15:4 Alhamdulillah buat masa sekarang tajuk-tajuk dalam pdf tu memang sesuai. Biasalah *first time* belajar *online* ni kan. Pada masa yang sama, kena cuba belajar bersemuka. *Better* bersemukalah.

18:4 Bagi saya sederhanalah, terutama pelajar yang tak pernah ambil PQS masa SPM.

20:6 Saya rasa sederhana tengah-tengah.

---

#### **Mudah**

16:3 Kalau bagi pendapat saya, ustazah memang mudah faham. Sebelum kelas dan selepas kelas, ustazah akan bagi nota untuk kami rujuk. Video pendek pun ada. Kami boleh tonton berulang-ulang.

19:5 Kursus ni sesuai dan mudah. Ustazah ajar mudah faham untuk subjek ulum hadith ni.

---

#### **Perlu bimbingan**

13:3 Sukatan pelajaran tu bagi saya, mampulah pelajar bawa. Ada juga pelajar lain minta bantuan saya.

---

### **Rancangan Pengajaran**

Dapatkan mendapati bahawa pensyarah telah memberikan penjelasan tentang rancangan pengajaran kepada pelajar dalam bilik kuliah bersama dengan panduan kursus pada minggu pertama kuliah pengajian dalam semester. Penjelasan ini amat penting untuk memastikan persediaan pelajar dengan menyemak topik-topik yang akan dipelajari sepanjang satu semester pengajian.

#### **Jadual 3. Rancangan Pengajaran Terhadap Silibus Mustalah Al-Hadis dan Petikan Data Temu Bual**

---

##### **Rancangan Pengajaran**

---

##### **Berbentuk penjelasan dalam bilik kuliah**

15:1 Khabar mutawatir. Khabar ahad. Pastu ada hadith-hadith yang maqbul. Hadith sahibh, hadith hasan. *Sahih li ghairihi*.

16:1 Pasal definisi hadith, sanad matan semua. Pastu belajar tentang hadith mutawatir, hadith ahad. Pasal hasan, hadith *maqbul* semua. Syarat-syarat hadith sahibh. Syarat hadith *maqbul*. Maksud definisi apa semua tu.

12:1 Sukatan pelajaran ulum hadith adalah pengenalan ulum hadith, pengertian ulum hadith, kepentingan ulum hadith, pembahagian hadith dalam pelbagai bahagian, penjelasan hadith mutawatir dan ahad, penjelasan hadith *masyhur* dan palsu.

9:1 Sukatan pelajaran ulum hadith ni pada permulaannya kita akan belajar tentang pengenalan apa itu ilmu ulum hadith. Apa kegunaannya, fungsi kita belajar ulum hadith. Kemudian kita masuk pengenalan apa itu hadith. Bagaimana hadith sebagai sumber kedua selepas al-Quran. Kemudian, kita dapat tahu tentang kesahihan hadith. Tentang perawi tersebut adakah

---

---

diterima atau tidak diterima. Kemudian, kitab-kitab yang berkaitan dengan ilmu hadith. Bagaimana hadith tersebut diriwayatkan.

11:1 Silibus yang belajar mengenai hadith nabawi, hadith qudsi, hadith *maudhu'*, hadith *maqbul*. Lepas tu, hadith *mutawatir*, hadith *ahad*. Lepas tu, kepentingan ulum hadith.

10:3 Apa yang saya ingat, ulum hadith ni terbahagi kepada dua. Hadith *mutawatir* dan hadith *ahad*. Pastu di bawah hadith *ahad* ada lagi pembahagian lain. Hadith *maudhu'* ada belajar. Pembahagian hadith sahih, hasan dan dhaif ada dipelajari.

19:2 Ustazah ajar pengenalan ulum hadith. Tajuk mengenai hadith *mutawatir* dan *ahad*. Hadith *maqbul*, sahih dan hasan. Hadith *maudhu'* dhaif. Pembahagian hadith-hadith dhaif. Takhrij hadith. Ilmu jarak dan ta'dil. Metodologi ulama-ulama hadith. Hadith qudsi dan al-Quran. 20:3 Pertama, pengenalan ulum hadith. Pastu hadith *mutawatir* dan *ahad*. Hadith *maqbul* dan hadith mardud. Hadith dhaif dan pembahagiannya. Hadith *maudhu'*. Ilmu jahr dan taa'dil. Takhrij hadith. Biografi ulama-ulama hadith. Hadith qudsi dan al-Quran.

10:2 Ustazah ada bagi *teaching plan* bermula dari minggu pertama sehingga ke minggu ke empat belas. Kemudian ustazah bagitau bila pertengahan semester akan ada ujian atau kuiz. Kemudian, *exam final*.

11:2 Ustazah ada bagi *teaching plan*. Dia sediakan nota dan bagi penerangan.

12:2 Pada minggu pertama dan kedua, ustazah akan menerangkan pengenalan ulum hadith dan baca dulu. Esoknya ustazah akan jelaskan perancangan pengajian ulum hadith dalam satu semester.

13:2 Ada ustaz terangkan dalam kelas. Masa awal-awal tu dia cerita kita akan ada assignment, kuiz, midterm apa semua dengan kerja pembentangan kumpulan.

14:3 Ustazah tak bagi pada kami *teaching plan* tu, tapi ustazah ada terangkan kat kami. Contohnya minggu depan ada kuiz, minggu seterusnya ada ujian.

15:2 Ustazah ada bagitau. Ustazah akan terang beberapa tajuk dulu. Kuiz bila. *Exam* bila. Ujian satu dan ujian dua. Ada kerja kursus untuk lulus subjek ulum hadith.

16:2 Masa awal-awal sem dulu ustazah habaq awal-awal nanti akan ada *midterm*, ada pembentangan, kuiz. Ustazah ada terang.

18:3 Pensyarah ada sediakan teaching plan atau panduan kursus masa awal-awal sem sebelum belajar pada minggu pertama. Pensyarah bagi dalam bentuk edaran dalam *Google Classroom* dan jelaskan dalam kelas.

19:4 Ustazah akan bagitau dan hantar video pada minggu pertama. Hantar nota dalam group WhatsApp. Sebelum kelas, ustazah suruh study tengok dulu nota.

---

## Topik Silibus

Dapatan pada bahagian ini menunjukkan bahawa pensyarah telah mengajar seperti yang telah terkandung dalam senarai topik silibus dalam kursus Mustalah al-Hadis. Setiap topik tersebut hampir menyamai dengan isi kandungan bagi buku rujukan yang telah dipilih. Perkara ini secara tidak langsung membantu pelajar membuat persediaan melalui bacaan kendiri berkaitan bahan pelajaran sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

## Jadual 4. Pemilihan Topik Terhadap Silibus Mustalah Al-Hadis dan Petikan Data Temu Bual

---

**Topik Silibus Kursus Mustalah Al-Hadis**  
**Persamaan dengan STAM**

---

13:1 Silibus yang dia bagi tu amat berguna dengan kami. Dia ada kaitan dengan STAM yang pernah saya ambil tu. Jadi, dia bolehlah faham sikit-sikit.

18:1 Saya dah pernah belajar dalam PQS masa SPM dulu. Pastu masa ambil STAM pun saya dah pernah belajar subjek ulum hadith tu. Cuma lebih mendalam sikit.

---

**Buku Rujukan Silibus**

Dapatkan mendapati bahawa pensyarah telah memilih kitab asas Mustalah al-Hadis sebagai rujukan utama dalam kursus ini, iaitu buku rujukan *Taisir Mustalah al-Hadis* oleh al-Tahhan (2012), *Ulum Al-Hadis Asiluha Wa Mu'asiruhu* oleh Abadi (2011) dan *Introduction to the Science of Hadith* oleh Abdullah & Abdul Manas (2015).



**Rajah 1.** Paparan Buku Rujukan Bagi Kursus Mustalah al-Hadis

Di samping itu, pensyarah juga telah mengedarkan bahan rujukan tambahan berbentuk nota pendek. Yabi et al. (2019) menyatakan satu inisiatif pensyarah adalah dengan memberikan nota pendek sebagai rujukan penting kepada pelajar untuk meningkatkan penguasaan ilmu Mustalah al-Hadis dengan mudah. Pensyarah juga memiliki pilihan untuk mendapatkan sumber rujukan tambahan melalui search laman sesawang internet dalam pengkalan data *Google* dan *Yahoo* (Mohd Zaidi & Mesbahul Hoque, 2019). Mohd Zin et al. (2019) telah membuktikan penggunaan carian sumber internet merupakan punca kesediaan akal pelajar ke arah meningkatkan kecemerlangan dalam kursus Mustalah al-Hadis. Tambahan pula, Mohd Muhidin dan Zainab Asbullah (2012) menegaskan bahawa buku rujukan utama yang dipilih tidak memfokuskan kepada satu kitab sahaja, namun pentingkan memilih pelbagai buku rujukan daripada buku-buku klasik dan kontemporari berdasarkan keperluan tahap pengajian pelajar samada di peringkat Asasi, Diploma atau Ijazah Sarjana Muda.

**Jadual 5.** Buku Rujukan Terhadap Silibus Mustalah Al-Hadis dan Petikan Data Temu Bual

---

**Buku Rujukan Silibus**  
**Bentuk nota**

---

14:1 Ustazah bagi nota dulu untuk yang pemahaman hadith. Pastu baru ustazah masukkan bab-bab dalam ulum hadith.

14:2 Ustazah *send* dalam *group WhatsApp* nota-nota berkaitan ulum hadith. Lepas tu ustazah terangkanlah guna video. Ustazah send dalam *group WhatsApp*. Video tu guna *Google Meet*. Tapi banyak ustazah *share* video dalam *group WhatsApp* kelas.

14:6 Bahan rujukan cuma nota sahaja. Tiada kitab khusus.

---

---

16:4 Subjek ni ustazah banyak bagi nota saja.

19:6 Ustazah just bagi nota. Ustazah tak cerita kitab. Nota slaid.

20:7 Ustazah bagi nota ulum hadith saja. Ustazah tak bagi buku rujukan.

---

#### **Kitab asas dalam Mustalah Al-Hadis**

10:5 Masa kelas kami guna satu buku yang saya ingat bertajuk Pengantar Ulum Hadith yang ditulis oleh Dr. Abdul Latif Muda. Rujukan tambahan seperti *Taisir Mustalah Hadith* Mahmud al-Tahhan dalam bentuk pdf. *Ulum hadith Asiluha Wa Ma'ariyuha* Dr. Muhammad Abu Laith.

12:5 kitab ulum al-hadith daripada Dr. Abdul Latif Muda.

9:4 *Taisir Mustalah Hadith* Mahmud al-Tahhan dalam bentuk pdf. *Ulum hadith Asiluha Wa Ma'ariyuha* Dr. Muhammad Abu Laith.

11:4 Dia guna Ulum Hadith, Mustalah Hadith. Kitab ni banyak letak dalam slaid.

18:5 Rujukan utama Taysir Mustalah al-Hadith Dr. Mahmud Tahhan. Rujukan sampingan buku ulum hadith Prof. Dr. Abu Layth.

---

#### **Sumber internet**

14:7 Saya tak tahu nama kitab. Kalau saya tak faham nota tu, saya *just search Google* saja.

---

### **Peruntukan Tempoh Masa Pengajaran dan Pembelajaran**

Tempoh waktu P&P yang diperuntukkan di KUIPs dan UniSHAMS selama tiga jam pengajian dalam satu minggu kuliah. Di KITAB adalah tempoh dua jam dalam satu minggu kuliah. Perbezaan ini bergantung kepada tahap program pengajian yang ditawarkan di institusi tersebut sama ada peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda (MQA, 2013). Berdasarkan jumlah jam yang diperuntukkan itu, pensyarah mampu untuk mematuhi dan menghabiskan silibus kursus Mustalah al-Hadis berpandukan rancangan pengajaran yang telah disusun.

#### **Jadual 6. Peruntukan Tempoh Masa Terhadap Silibus Mustalah Al-Hadis dan Petikan Data Temu Bual**

---

##### **Peruntukan Tempoh Masa P&P**

###### **Tiga jam seminggu**

11:33 Waktu pengajaran seminggu tiga jam. Dua kali pertemuan. Sejam setengah setiap satu sesi kelas.

12:33 Tiga jam seminggu. Kelas biasanya pagi dua jam dan sambung lusa hari satu jam.

13:24 Kelas ada tiga jam. Pecah satu jam dan dua jam seminggu.

10:38 Seminggu 3 jam kelas.

15:29 Kelas seminggu tiga jam dalam seminggu.

18:2 Tiga jam seminggu. Sekali kelas sejam setengah, dua kali pertemuan.

---

###### **Dua jam seminggu**

14:43 Kelas sekali sahaja dalam seminggu. Dua jam sahaja.

16:22 Kelas untuk sem ni *online* saja. Sehari dua jam. 10 hingga 12 tengahari. Seminggu sekali pertemuan. Sem ni dipendekkan waktu kelas.

9:42 Kelas selalu waktu petang. Contoh kelas 2 jam, pensyarah akan tepat pada masa.

19:3 Dua jam seminggu sekali pertemuan.

20:4 Dua jam seminggu. Dua jam kredit.

## KESIMPULAN

Analisis dan perbandingan yang telah dikaji menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara ketiga-tiga IPT Islam berkenaan kerana perbezaan bentuk pengajian hadis yang telah diaplikasikan dalam bilik kuliah. Dapatan kajian dapat disimpulkan bahawa penerimaan pelajar terhadap silibus kursus Mustalah al-Hadis dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan dan kerajinan pelajar untuk mempelajari kursus ini serta kaedah pengajaran yang sering diaplikasikan oleh pensyarah kursus tersebut. Kursus Mustalah al-Hadis sangat penting untuk dikuasai oleh penuntut ilmu hadis sebagai asas utama dalam ilmu hadis sebelum terus mendalami cabang-cabang lain dalam ilmu hadis seperti *Takhrij al-Hadis*, *al-Jarh Wa al-Ta'dil* dan sebagainya.

## PENGHARGAAN

Kajian ini menyatakan penghargaan kepada Kolej Universiti Islam Perlis dengan tajaan dana penyelidikan melalui Fakulti Al-Quran dan Sunnah. Kod dana penyelidikan: VOT 5003/0007 *Research Publication*.

## RUJUKAN

- Abadi, M. A. K. K. (2011). *Ulum al-Hadith Asiluha wa Ma'asiruha*. Malaysia: Dar al-Shakir.
- Abd. Rahman, M. M. & Asbullah, Z. (2012). Realiti pengajian hadith di IPT Islam: Suatu kajian di IPT Islam di Malaysia. *Jurnal Al-Basirah*, 2(2), 27-46.
- Abd. Rahman. M. M. & Abd Haliff, A. L. (2011). *Realiti pengajian Ulum al-Hadith di Institusi Pengajian Tinggi Timur Tengah: Suatu analisis*. Dlm. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman & Faisal Shah Ahmad (pnyt.). *Sunnah Nabi: Realiti dan cabaran*, hlm. 265-278. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran & al-Hadith Universiti Malaya. Jurnal Al-Quran Dan Al-Hadith: Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD) 01.
- Abdul Halim, A., Yabi, S. & Hoque, M. (2019). Penglibatan ahli akademik terhadap pengajaran hadith. *Journal of Hadith Studies*, 4(1), 2550-1448.
- Abdullah, I. & Abdul Manas, S. (2015). *Introduction to the Sciences of Hadith*. Selangor: IIUM Press.
- Agenzi Kelayakan Malaysia (MQA). (2013). *Standard Program: Pengajian Islam 13*. Selangor: Malaysian Qualifications Agency (MQA).
- Ahmad, K. A., & Mat Sin, M. L. (2022). *Pendidikan hadis banteras infodemik COVID-19 dalam media sosial*. E-Proceeding International Conference And Muktamar On Prophetic Sunnah (ICMAS 2021) 1(1), 283-290.
- Ahmad, K. A., Abdul Hamid, S. & Abdul Rahman, M. N. (2022). Lecturers' and students' acceptance of using Technology-Based Teaching AIDS (TTAs) when teaching ulum hadith during the COVID-19 pandemic. *Educational Administration: Theory and Practice*, 28(02), 29-38.
- Ahmad, K. A., Asni, F., Abdul Aziz, A., Abdul Hamid, S., & Abdul Rahman, M. N. (2022). Level of understanding and perception among students of KUIPs on the T&L methodology of hadith studies. *NeuroQuantology*, 20(8), 7288-7298.
- Ahmad, K. A., Asni, F., Abdul Hamid, S., & Abdul Rahman, M. N. (2021). Hadith studies in Malaysia: A meta-analysis approach. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(10), 108-120.
- John Van Maaneen. (1983). *Qualitative methodology*. Beverly Hill, California: Sage Publication.
- Khalaf, A. (2006). *Manahij 'ulum al-hadith: Nazharat wa waqafat*. Kertas yang dibentangkan dalam Seminar Ilmiah Antarabangsa Hadith Nabawi, pada 8-10 April 2003 di Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Dubai. Dubai: Al-Ma'arif Printing Press. Edisi Kedua, 107-119.
- Mohd Sobali, A., Alias, N., Mohamed Nor, Z. & Azmi, A. S. (2011). Metodologi pengajian ulum al-hadith: Antara keperluan penghafalan matan (mustalah al-hadith) dengan pengajaran secara moden. Dlm. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman & Faisal Shah Ahmad (pnyt.). *Sunnah Nabi: Realiti dan cabaran*, hlm. 331-340. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran & al-Hadith Universiti Malaya. Jurnal Al-Quran Dan Al-Hadith: Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD) 01.
- Mohd Zaidi, N. N., & Mesbahul Hoque. (2019). Application of e-learning for teaching hadith in Higher Education Institutional Education in Malaysia: A literature review. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 3(2), 28-34.
- Mohd Zin, S. M., Omar, H., Ishak, M. A., Nasir, M. N. & Omar, N. (2019). Pengaruh kesediaan mental dan emosi terhadap kecemerlangan dalam pembelajaran ulum hadis di kalangan pelajar: Kajian kes di KUIS. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(2), 179-191.
- Rosdi, A. Z., Syed Hassan, S. N. & Mahfuz, M. S. (2021). Penerimaan pelajar dan penggunaan m-pembelajaran terhadap pengajian hadis. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(1), 100-112.
- Rosli, Q. & Mohd Noor, A. Y. (2015). *Pengajaran Dan Pembelajaran Hadith Di Maahad Darul Hadis, Alor Setar, Kedah: Tinjauan Awal*. Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI), 131-138.
- Syed Hassan, S. N., Mohd Amin, M. Z., Tawil, S. F. & Abdul Wahid, F. (2021). Model interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran hadis era pandemik Covid-19. *Jurnal al-Sirat*, 2(19), 16-23.
- Al-Tahhan, Mahmud. (2004). *Taisir musthalah al-hadith*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif Li al-Nasyar Wa al-Tauzi'.

- Tumiran, M. A., Daud, M. Z., Zarmani, N. F., Mohammad, N. & Wan Ruzali W. A. (2021). A Self-management of E-Learning in COVID-19 Pandemic among Islamic Studies Students in Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 7(2), 41-53.
- Yabi, S., Ibrahim, N., Mohamed Yusof, A., Mohd Amin, M. F. (2019). Students' perception on teaching and learning of ulum hadith: A comparative study in Malaysian Higher Public Educational Institutions. *Journal of Xi'an Shiyou University, Natural Science Edition*, 16(12), 1-8.
- Yabi, S., Kadri, S., Mohd Nor, Z. & Mohd Amin, M. F. (2017). Pengajaran kursus ulum hadith di Institusi Pengajian Tinggi Awam: Tinjauan literasi terhadap pendekatan pengajaran masa kini. *Journal of Maalim al-Qur'an wa al-Sunnah*, 13(14), 97-106.
- Yahya, M. A., Dakir, J., Amran, N. N., Mohd Noor, A. Y., Ibrahim, M. & Nazri, M. A. (2017). Application of Hadith Memorization Methods in Teaching and Learning: The National University of Malaysia's Experiences. *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology, Special Issue for INTE 2017*, 368-372.